

Kes Bukit Lan: Wanita OKU didakwa mencedera dan membunuh ibu kandung



DIDAKWA: Tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Majistret Sibu semalam selepas tempoh reman berakhir.

SIBU: Seorang wanita orang kurang upaya (OKU) berusia 48 tahun yang bisu dan pekak didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam atas pertuduhan sengaja menyebabkan kecederaan dan membunuh ibu kandungnya dalam dua kejadian berasingan di Bukit Lan.

Majistret Romario Jono menetapkan 6 Ogos depan sebagai tarikh sebutan semula pertuduhan membunuh di Mahkamah Tinggi.

Bagi pertuduhan sengaja menyebabkan kecederaan, tertuduh mengaku bersalah, namun mahkamah tidak menerima pengakuan tersebut.

Mahkamah kemudian memerintahkan tertuduh dihantar ke Hospital Sentosa, Kuching untuk menjalani pemeriksaan psikiatri bagi menentukan sama ada dia waras serta layak membuat pengakuan di mahkamah.

Kes berkenaan ditetapkan untuk sebutan semula pada 31 Julai depan.

Sementara menunggu dipindahkan ke Hospital Sentosa, tertuduh diperintahkan ditahan di

Penjara Sibu sehingga tarikh sebutan semula.

Terdahulu, tertuduh dibawa ke mahkamah buat kali pertama selepas tamat tempoh reman polis.

Memandangkan tertuduh tidak dapat berkomunikasi secara lisan, seorang guru bahasa isyarat dari sebuah sekolah pendidikan khas dilantik sebagai jurubahasa bagi membantu komunikasi antara mahkamah dan tertuduh sepanjang prosiding.

Adik lelaki tertuduh, yang sebelum ini turut ditahan bagi membantu siasatan kes bunuh berkenaan, turut dibawa ke mahkamah.

Bagaimanapun, lelaki itu dibebaskan selepas seorang penjamin mengemukakan jaminan dan beliau akan menjadi saksi pendakwaan.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh berdepan dua pertuduhan dalam dua kes berasingan.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap ibu kandungnya yang berusia 77 tahun dengan

memukul tubuh mangsa di sebuah rumah tanpa nombor di Lower Bukit Lan kira-kira jam 9 malam pada 12 Mei lalu.

Pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 323 dibaca bersama Seksyen 326A Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa membunuh mangsa dengan menikamnya menggunakan sebilah gunting di rumah yang sama kira-kira jam 1.50 tengah hari pada 25 Jun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman mati atau penjara tidak kurang 30 tahun dan tidak melebihi 40 tahun.

Sekiranya hukuman mati tidak dijatuhkan, pesalah turut boleh dikenakan hukuman sebat tidak kurang daripada 12 sebatan.